



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

The National University of Malaysia

GE1155 KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN

**TUGASAN 2
LMS DAN CMS**

PENSYARAH : CIK MAZALAH BINTI AHMAD

**DIANI AMIRA BINTI HAMZAH (A148556)
PROGRAM PENDIDIKAN KHAS
FAKULTI PENDIDIKAN KHAS
SE 2**

1) Apakah LMS dan CMS?

Learning Management System (LMS)

Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) atau lebih dikenali sebagai Learning Management System (LMS) merupakan sebuah aplikasi pendidikan untuk membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ia merupakan aplikasi berasaskan web yang mampu mengurus pembelajaran elektronik, mengesan hasil pembelajaran, integrasi dengan pengurusan sumber manusia dan sumber pembelajaran, pembinaan bahan pengajaran serta bahan yang diterima daripada pelajar dan kemudahan bentuk pengurusan pembelajaran serta pemantapan pembelajaran bestari.

Sistem pengurusan pembelajaran ini adalah laman web yang turut digunakan oleh peringkat tinggi berasaskan teknologi untuk penyelesaian perenggan, menyampaikan dan mengatur pelbagai aktiviti belajar dalam sebuah organisasi. Sebagai contoh talian, kelas maya dan program pengajar yang dipimpin yang dapat menilai proses pembelajaran khusus.

Sistem ini juga turut digunakan oleh pelajar untuk memuat turun nota. Pelajar dapat mengakses maklumat berhubung dengan tugas yang diberikan oleh pensyarah dengan hanya menggunakan sistem ini. Malahan, mereka juga boleh lihat keputusan peperiksaan. Sistem ini juga memberi kelebihan kepada pelajar yang pemalu untuk berinteraksi kerana hanya menggunakan nama samaran. Keadaan ini memudahkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan pensyarah dan rakan-rakan dan memberi keselesaan kepada mereka.

Content Management System (CMS)

Sistem pengurusan kandungan atau lebih dikenali sebagai *Content Management System (CMS)* ialah sebuah perisian komputer yang membantu pengguna-penggunanya dalam proses pengurusan kandungan. Sebuah CMS menguruskan pelbagai dokumen dan kandungan yang lain seperti imej dan sumber-sumber multimedia. Sebuah sistem pengurusan kandungan laman web ialah sebuah sistem pengurusan kandungan dengan ciri-ciri tambahan untuk mempermudah langkah-langkah untuk menerbitkan kandungan web ke dalam laman web.

2) Apakah kegunaan LMS dan CMS?

Learning Management System (LMS)

- Mendekatkan pelajar dengan persekitaran e-pembelajaran
- Mengurus dan mengembalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- Infrastruktur kepada pelaksanaan program E-pembelajaran
- Mengurangkan masa
- Menguruskan interaksi antara pelajar
- pemusatan dan automasi pentadbiran
- menggunakan perkhidmatan sendiri (self-service) dan perkhidmatan sendiri terbimbing (self-guided services)
- membina dan menyampaikan isi kandungan pembelajaran secara berterusan
- menggunakan web sebagai platform untuk menggerakkan program latihan.
- Mengurus pengguna, peranan, kursus, tenaga pengajar, kemudahan, dan menyediakan laporan
- Mempunyai kalendar kursus
- Ada laluan pembelajaran
- Pelajar boleh menghantar mesej dan notis
- Penilaian dan ujian di uruskan sebelum dan selepas ujian.
- Boleh memaparkan keputusan dan transkrip
- Penggredan kerja kursus, jadual proses termasuk senarai menunggu.
- Beraraskan Web dan pelbagai kursus yang ditawarkan

Content Management System (CMS)

Sistem pengurusan kandungan web biasanya digunakan sebagai tempat menyimpan, mengawal, dan menerbitkan dokumen-dokumen seperti artikel-artikel berita, manual pengguna, manual teknikal, panduan jualan, dan risalah-risalah penjualan. Sebuah sistem pengurusan kandungan boleh menyokong ciri-ciri berkenaan:

- Mencipta dan mengimport dokumen serta bahan-bahan multimedia.
- Mengenal pasti pengguna-pengguna utama serta tanggungjawab pengurusan kandungan mereka.
- Kebolehan untuk membahagikan peranan serta tanggungjawab dalam kategori-kategori kandungan yang berbeza.
- Mentakrifkan tugas-tugas penting supaya pengurus kandungan dapat diberitahu tentang sebarang pengubahsuaian dalam isi kandungan. Kawalan akses pengguna
- Rekabentuk laman menerusi template
- Pemilihan modul oleh pentadbir web
- Kemudahan pemasangan '*add-on*' pada CMS
- Kemudahan '*upgrade*' dan pemasangan '*patch*' perisian CMS
- Penjejakan pengunjung
- Agregasi kandungan melalui RSS (*Really Simple Syndication*)

3) **Bagaimanakah menggunakan LMS dan CMS?**

Learning Management System (LMS)

LMS digunakan untuk merancang e-Bahan, mengesan pencapaian pelajar dan mengesan status penggunaan pengguna. Selain itu, LMS harus dapat melakukan perkara-pekerja berikut, antaranya adalah:

- Memusatkan strategi pembelajaran
- Menggunakan perkhidmatan diri dan perkhidmatan sendiri berpandu
- Memasang dan menyampaikan kandungan pembelajaran dengan cepat
- Menggabungkan inisiatif latihan pada platform berasaskan web yang berskala
- Mudah alih sokongan dan piawai
- Menyesuaikan kandungan dan membolehkan penggunaan semula pengetahuan.

Content Management System (CMS)

- CMS boleh digunakan samada secara percuma ataupun memerlukan wang keluar sedikit dari poket anda. Jika anda ingin membangunkan laman seperti blog secara percuma, anda hanya perlu mendaftar dan membuka akaun di laman web yang menyediakan CMS.
- Tapi jika anda ingin membangunkan laman web seperti kedai online atau pun yang lebih professional lagi, anda perlulah menggunakan servis untuk domain hosting dan Web hosting. Dengan adanya domain hosting dan web hosting, anda boleh mempunyai nama domain dan database sendiri tetapi segala kerja akan dilakukan di laman web CMS.

4) Apakah perisian aplikasi LMS dan CMS? Learning Management System (LMS)

Pada masa kini, pelbagai perisian LMS wujud di pasaran. Antara yang terkenal dan biasa digunakan adalah seperti yang di senaraikan di dalam Jadual 4.0

Jadual 4.0 :Contoh Perisian LMS yang terkenal


LMS	LAMAN WEB
aTutor	http://www.atutor.ca/
Ilias	http://www.ilias.de/
Moodle	http://moodle.org/
WordPress LMS	http://www.learndash.com/faqs/
SPIN	http://www.spin.ukm.my/
iFolio	http://ifolio.ukm.my/account/login?ReturnUrl=%2f
SMPWeb	https://smp.ukm.my/smpweb/

Selain itu, terdapat pelbagai perisian CMS yang wujud di pasaran. Antara yang terkenal dan biasa digunakan adalah seperti dari Rajah 4.1 sehingga Rajah 4.3.

a. WordPress

Merupakan platform CMS yang paling ramai digunakan di seluruh dunia. Sudah semestinya percuma untuk digunakan. yang berbayar adalah plugin yang disediakan oleh Developer bebas. tetapi, anda tidak perlu kisah tentang plugin kerana jika anda menggunakan khidmat membuat website menggunakan Platform CMS, Designer pasti ada menyediakan pakej memasang plugin untuk anda.

Jika anda belum bersedia untuk menggunakan yang berbayar, anda masih boleh menggunakan wordpress tetapi nama domain anda akan kelihatan begini : anakkambing.wordpress.com. Maksudnya anda masih menggunakan database milik wordpress. Kelemahan tidak menggunakan web hosting dan nama domain sendiri ialah anda tidak akan dapat menukar ke theme yang lebih hebat dan professional.



Rajah 4.1 : Contoh Antaramuka WordPress

b. Joomla

Joomla merupakan platform yang telah memenangi award bagi CMS. Sangat mudah digunakan seperti WordPress dan mempunyai aplikasi yang begitu mantap untuk membangunkan laman web yang lebih menarik. Jika anda sudah biasa menggunakan WordPress anda akan tahu menggunakan Joomla. (Rajah 4.2)




Rajah 4.2 : Contoh Antaramuka Joomla

c. Drupal

Platform yang juga ramai digunakan di luar negara, tidak pasti di Malaysia, mungkin ada yang menggunakan platform drupal ini di Malaysia. sama juga fungsi dan kelebihan seperti wordpress dan joomla diatas. Boleh digunakan untuk membuat blog sendiri, kedai online, Forum, laman web berita, dan pelbagai lagi yang boleh dibangunkan menggunakan Drupal (Rajah 4.3)

Terdapat banyak lagi platform CMS yang dibangunkan di internet ini tetapi saya hanya kongsi dengan anda yang paling ramai digunakan dan sentiasa diupdate oleh pengasas CMS tersebut.



Rajah 4.3 : Contoh Antaramuka Drupal

5) Apakah perbezaan aplikasi LMS dan CMS?

Perbezaan di antara LMS dan CMS	
Learning Management System	Content Management System
Merupakan sebuah aplikasi perisian untuk pentadbiran, dokumentasi dan laporan program latihan, kelas serta aktiviti dalam talian, e-learning program dan kadar latihan	Adalah program komputer yang membolehkan kita membuat penerbitan, penyuntingan dan mengubah suai kandungan di laman web serta penyelenggaraan yang mudah dilakukan yang disediakan oleh laman web cms.
Contoh aplikasi LMS yang digunakan oleh pelajar UKM ialah I-FOLIO. I-FOLIO ini digunakan oleh pelajar dan pensyarah UKM.	Contoh aplikasi CMS ialah wordpress kerana ia bekerja untuk kita membuat penulisan blog, mudah untuk menyimpan video ke laman web, gambar, berkongsi berita dengan lebih kompleks, dan pelbagai lagi fungsi yang boleh dilakukan CMS ini.

RUJUKAN

- 1) http://rosmahaniabdwahab256.blogspot.com/2011/10/sistem-pengurusan-pembelajaran_08.html
- 2) <http://a140372s1k3.blogspot.com/2012/10/cms-lms.html>
- 3) <http://liyanaakmal236.wordpress.com/2012/09/26/>
- 4) <http://drhadi-technology.blogspot.com/2011/09/sistem-pengurusan-pembelajaran.html>